

**Perbincangan Leonid Brezhnev dengan  
anggota-anggota Jawatankuasa  
Hubungan Luar Senate Amerika Syarikat  
19 Jun, 1973**

Pada 19 Jun, 1973 di Washington, Leonid Brezhnev, Setiausaha Agung Parti Komunis Soviet menemui anggota-anggota Jawatankuasa Perhubungan Luar Senate diketuai oleh Pengerusi Jawatankuasa J. William Fulbright.

Lain-lain anggota Jawatankuasa tersebut yang menyertai sidang itu ialah Senator-senator M. Manfield, Pemimpin Demokratik di Senate, H. Scott. Pemimpin Republikan di Senate, G. Aiken, R. Baker, F. Church, R. Griffin, V. McGovern, E. Muskie, J. Pastorem C. Pell, J. Peardon, C. Percy, E. Hollings, R. Schweiker, J. Sparkman, S. Symington, T. Morgan dan P. Frelinghuysen.

Pihak Soviet pula dalam mesyuarat itu dihadiri oleh A. A. Gromyko, Menteri Hal Ehwal Luar USSR, N. S. Patolichev dan A. M. Alexandrov, penolong-penolong kepada Setiausaha Agung CPSU, Jawatankuasa Pusat A. F. Dobrynin, Duta Soviet Union ke Amerika Syarikat, G. A. Zhukov, L. N. Zamyatin dan A. B. Cgakovsky, Timbalan kepada Majlis Tertinggi USSR dan G. A. Arbatov, Pengarah Institiut Pengajian AS.

Dalam ucapan yang panjang lebar, Leonid Brezhnev telah menghuraikan tentang tujuan-tujuan dasar luar Soviet, untuk mengukuhkan keamanan dan keselamatan antara-bangsa. Menilai kemajuan hubungan Soviet-Amerika sejak mesyuarat di Moscow antara para pemimpin kedua

negara pada bulan Mei, 1972, Leonid Brezhnev berkata, "Saya tidak berhajat untuk menghuraikan sejarah hubungan kita pada masa lalu. Hari ini saya yakin kita sedang membuka lembaran sejarah baru tentang hubungan ini. Saya memperkatakan ini dengan keyakinan yang lebih besar kerana pada selama setahun lalu telah mengesahkan kebenaran memulihkan semula hubungan Soviet-Amerika yang termaktub dalam dokumen yang ditandatangani di Moscow adalah berhasil "Tujuan ini hendaklah diperkukuhkan serta dimaju lagi", Ketua Soviet itu berkata "Tujuan rundingan-rundingan Soviet-Amerika sekarang". Selepas mengadakan empat perjanjian baru yang memuaskan lagi hubungan bagi faedah bersama antara USSR dan AS, Leonid Brezhnev memberitahu Senator-Senator itu empat perjanjian penting, termasuk perjanjian menghadkan trateji senjata sedang disusun.

Setiausaha Agung berkata bahawa approach yang berguna bagi pihak Amerika — Presiden AS dan Kongres — juga memainkan peranan besar dalam proses memajukan peraturan-peraturan baru.

Menyentuh perkembangan hubungan ekonomi Soviet-Amerika, Leonid Brezhnev berkata kerjasama dalam bidang ini akan membuka peluang lebih besar bagi kedua pihak jika diselenggarakan secara besar-besaran cara jangka panjang dan dijalankan tanpa menindas.

"Negara-negara kita telah dipanggil 'kuasa besar' dengan pengertian khas terhadap sebutan itu, dan membayangkan mereka memasuki satu komplot di atas kepentingan negara-negara lain," Setiausaha Agung menambah. "Tetapi, adakah orang lain merasa akibat walaupun sekecil-kecilnya dengan persefahaman yang kita capai di Moscow dan dengan apa yang kita bincangkan hari ini. Pada keseluruhannya, perubahan-perubahan positif telah berlaku yang membawa pertanda baik terhadap suasana antarabangsa dan mengukuhkan keamanan dan keselamatan antarabangsa.

Leonid Brezhnev kemudian menyentuh masalah-masalah Eropah. "Eropah adalah benua yang ekonomi berkembang pesat dan kaya dengan unsur kebudayaan," katanya, "tetapi dalam masa yang sama di benua itulah peperangan yang paling dahsyat dalam sejarah dunia telah meletus. Adalah

penting bagi rakyat Eropah tinggal dalam aman tanpa sebarang keraguan tentang masa depan anak-anak mereka apabila menghadapi jenerasi baru kelak. Usaha ke arah itu adalah merupakan tujuan utama dasar luar Parti Komunis Soviet Union. Lain-lain negara Sosiolis juga bergerak ke arah yang sama. Kami mengakui dengan puashati bahawa usaha mengukuhkan keamanan di Eropah disokong oleh Kerajaan-kerajaan Perancis, Persekutuan Republik Jerman dan lain-lain negara Eropah Barat.

Leonid Brezhnev menegaskan bahawa adalah penting Presiden Amerika dan Senate menyokong mengekalkan keselamatan di Eropah dan berkata ini memainkan peranan positif dalam langkah mengadakan mesyuarat perundingan pendahuluan di Helsinki bagi persidangan semua negara-negara Eropah.

Bercakap mengenai mengurangkan senjata dan tentera di Eropah, Setiausaha Agung itu mengingatkan bahawa hasrat seperti itu telah dikemukakan oleh Soviet, "sekarang terdapat persetujuan am untuk mengadakan rundingan-rundingan mengenai soal itu", katanya, "rundingan itu hendaklah diadakan secara bersungguh-sungguh dengan memberi pertimbangan terhadap kepentingan keselamatan semua negara."

Lain-lain perkara antarabangsa yang disentuh oleh Leonid Brezhnev ialah mengenai soal menamatkan peperangan di Vietnam. Beliau menegaskan bahawa Soviet Union yang menandatangani perjanjian persidangan Paris mengenai Vietnam akan mematuhi perjanjian itu, kami berharap lain-lain pihak yang terlibat juga berbuat demikian," katanya.

Leonid Brezhnev menegaskan dalam rundingan itu bahawa meluaskan pertukaran-pertukaran dalam bidang kebudayaan, penerangan dan pelancungan adalah menurut undang-undang tradisi dan adat istiadat tiap-tiap negara itu. Ia penting bagi mengeratkan hubungan persefahaman dan kepercayaan antara rakyat. Beliau bercakap tentang perlu diperluaskan hubungan-hubungan antara Kongres Amerika Syarikat dan Majlis Tertinggi USSR. Mengadakan hubungan antara Kesatuan-Kesatuan sekerja kedua negara adalah penting, Leonid Brezhnev berkata perkara ini ialah di antara pegawai-pegawai tinggi dan bertukar-tukar rombongan.

Leonid Brezhnev telah menjawab beberapa soalan yang dikemukakan oleh Senator-Senator.

William Fulbright, Pengerusi Jawatankuasa Hubungan Luar Senate bagi pihak peserta-peserta Amerika di mesyuarat itu mengucapkan terimakasih kepada Setiausaha Agung Jawatankuasa Pusat CPSU kerana mengadakan jaminan dan menyatakan puas hati tentang rundingan yang diadakan itu. "Negara-negara kita memasuki arena baru dalam segi hubungan", katanya, "kita mesti bergerak pantas melalui jalan-jalan yang dibayangkan".

TASS